

# Peruntukan UMS untuk 2010 dikurangkan RM20.3j

**Stephanie Lee**

**KOTA KINABALU:** Pembiayaan daripada Perbendaharaan Persekutuan kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi 2010 dikurangkan kepada RM233.3 juta berbanding RM253.6 juta tahun lalu.

"Semua institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi turut terlibat dan sekarang ini mereka perlu merancang semula bajet pengurusan mereka, begitu juga dengan UMS," kata Naib

Canselor, Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon pada Khamis.

Pengurangan 8 peratus itu, katanya, bermakna beberapa perubahan asas perlu dibuat dalam skim pengurusan universiti itu.

"Sekarang kita perlu merancang bajet untuk mana-mana aktiviti secara bijak dan mengagihkan peruntukan mengikut tahap kepentingannya, dan memberi keutamaan kepada obligasi tetap seperti utiliti dan kontrak yang masih

berkuatkuasa pada 2010," katanya pada majlis menandatangani perjanjian untuk Program UMS 2010-2011.

Selain itu, perkara seperti aset mengajar, yuran perjalanan penting tertentu untuk tujuan pendidikan, dan peruntukan untuk seminar atau bengkel hotel, antara lain, akan dipantau ketat.

"Kesemua perbelanjaan ini akan diagihkan selepas analisis teliti dibuat dan saya berharap semua ketua jabatan akan jujur dalam menyedi-

akan bajet mereka tahun ini," tambah Kamaruzaman.

Semua kakitangan, katanya, hendaklah belajar mengendalikan program dan aktiviti menggunakan kos yang berkurangan tetapi produktif sama seperti yang sebelumnya, jika tidak lebih baik.

"Semuanya perlu berada dalam keadaan sistematik, komprehensif, fokus dan berorientasikan hasil," katanya, sambil menambah, selagi semua kakitangan bekerjasama secara jujur, UMS

akan menjadi institusi terkemuka dan contoh kepada semua.

Sementara itu, sistem 'e-Perolehan' juga dilancarkan semasa majlis itu, yang dimajukan Unit Teknologi Pendidikan dan Media bersama Jabatan Perbendaharaan untuk meningkatkan perkhidmatan yang disediakan di universiti itu.

Sistem yang diwujudkan Oktober lalu itu dijangka siap sepenuhnya menjelang Mei ini.